

POLEMIK DALAM CERITA RAKYAT SEBAGAI MEDIUM PENDIDIKAN MORAL KEPADA KANAK-KANAK

MUHAMMAD NUR AL-HAKIM MOHAMAD HANAFIAH*

Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

alhakim201@yahoo.com

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB

Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

firdaus.cy@umk.edu.my

SITI FATIMAH AB RASHID

Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

sitifatimahpetty@gmail.com

SITI AISHAH JUSOH

Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

siti_saj@yahoo.com

ABSTRAK

Cerita rakyat ialah cerita yang disebarluaskan turun temurun secara lisan, juga tidak dimiliki secara mutlak oleh individu kerana cerita rakyat dimiliki secara bersama oleh masyarakat. Unsur polemik dapat dilihat dengan ketara dalam kebanyakan cerita rakyat dan tidak dapat dinafikan bahawa polemik membawa kepada perkara negatif. Namun begitu, setiap polemik yang berlaku boleh diambil sebagai iktibar dan teladan oleh kanak-kanak melalui plot cerita dan membawa kepada pembentukan moral positif melalui mesej positif. Oleh itu, objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan membincangkan polemik yang terdapat dalam beberapa cerita rakyat terpilih kepada pembentukan moral kanak-kanak. Batasan kajian merujuk kepada beberapa cerita rakyat yang bertajuk *Puteri Sejinjang Dan Puteri Santubong, Menuntut Bela, Kapak Emas, Melanggar Janji, Bawang Merah Bawang Putih* dan *Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur* menerusi teks 366 *Cerita Rakyat di Malaysia*. Selain itu, kajian ini juga mengaplikasikan pendekatan Takmilah melalui prinsip hubungan karya dengan khalayak sebagai deduktif kajian. Kaedah kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Hasil kajian ini dapat membuktikan unsur polemik dalam cerita rakyat sangat membantu pembentukan moral dalam diri kanak-kanak.

Kata Kunci: cerita rakyat; kanak-kanak; pembentukan moral; polemik; takmilah.

POLEMICS IN FOLKLORE AS A MEDIUM OF MORAL EDUCATION TO CHILDRENS

ABSTRACT

Folklore is a story that is passed down orally from generation to generation, nor is it absolutely owned by individuals because folklore is collectively owned by society. The element of polemics can be seen prominently in most folklore and it is undeniable that polemics lead to negative things. Nevertheless, every polemic that takes place can be taken as a lesson and example by children through the plot of the story and lead to the formation of positive morals through positive messages. Therefore, the objective of this study is to identify and discuss the polemics found in some selected folklore to the moral formation of children. Limitations of the study refer to several folk tales entitled *Puteri Sejinjang Dan Puteri Santubong*, *Menuntut Bela*, *Kapak Emas*, *Melanggar Janji*, *Bawang Merah Bawang Putih* and *Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur* through the text *366 Cerita Rakyat di Malaysia*. In addition, this study also applies the Takmilah approach through the principle of the relationship of the work with the audience as the deductive of the study. This research method uses a qualitative approach that involves library methods and text study. The results of this study can prove that the polemical element in folklore is very helpful in the formation of morality in children.

Keywords: children; folklore; moral formation; polemics; takmilah.

PENGENALAN

Sastera rakyat atau *folk literature* merupakan suatu khazanah yang amat bernilai dalam sesebuah masyarakat. Sastera rakyat berkembang dalam kalangan masyarakat yang memilikinya secara bersama. Penyebaran cerita rakyat adalah dituturkan secara lisan daripada generasi terdahulu hingga kini. Penyebarannya adalah secara pertuturan lisan oleh penutur profesional atau amatur (Mohd Firdaus Che Yacob 2018). Tegasnya, sastera rakyat merupakan karya yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu untuk dijadikan sebagai hiburan dan juga sebagai medium pendidikan dengan menyelitkan nilai-nilai positif di dalamnya.

Cerita rakyat merupakan salah satu cabang yang terkandung dalam sastera rakyat. Cerita rakyat disebarluaskan oleh masyarakat zaman lampau secara lisan melalui kaedah pertuturan. Cerita rakyat dimiliki secara bersama oleh masyarakat dan tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa sahaja Abu Bakar Hamid (1976). Malaysia sangat kaya dengan kepelbagaiannya budaya dan lapisan masyarakat. Dalam konteks sastera rakyat atau cerita rakyat pula, tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia juga mempunyai pelbagai cerita rakyat yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya masyarakat Melayu sendiri. Justeru itu, cerita rakyat memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri sesebuah masyarakat. Cerita rakyat juga menjadi rujukan atau medium untuk kita melihat jati diri dan nilai moral sesebuah masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu zaman lampau menjadikan cerita rakyat sebagai

satu alat kawalan sosial yang untuk membentuk dan menyebarkan nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Menurut St. Aisyah BM (2014), polemik atau konflik adalah ketidaksefahaman dan perselisihan yang berlaku di antara dua dan beberapa pihak mengenai sesuatu perkara merangkumi cara pemikiran, pegangan dan gagasan. Selain itu, kenyataan disokong oleh menurut *Kamus Dewan* (2016), polemik boleh didefinisikan sebagai bantahan atau pertentangan pendapat atau juga konflik yang berlaku di antara beberapa pihak. Kenyataan ini disokong oleh Weni Puspita (2018), polemik merupakan suatu keadaan yang sering timbul dalam kehidupan masyarakat yang melibatkan perselisihan dan juga membawa kepada pembalasan dendam terhadap pihak lawan. Berdasarkan kenyataan di atas, Polemik dalam konteks cerita rakyat berlaku dia antara watak yang berbeza pendapat dan mula menimbulkan konflik di antara mereka. Konflik juga timbul apabila seseorang watak itu mempunyai niat yang kurang baik terhadap watak lain misalnya, hasad dengki dan khianat. Namun begitu, setiap konflik yang berlaku haruslah dipandang dari sudut positif khususnya bagi kanak-kanak. Hal ini kerana, minda kanak-kanak senang untuk menerima dan mencerna daripada perkara yang mereka dengar dan lihat.

Oleh hal yang demikian, cara olahan cerita rakyat itu memainkan peranan penting bagi menyampaikan nilai positif kepada kanak-kanak walaupun cerita rakyat tersebut mengandungi unsur polemik yang negatif. Penglipur lara atau pencerita harus melakukan usaha murni ini dalam menyampaikan cerita rakyat secara berhemah supaya cerita rakyat boleh dijadikan sebagai medium pembelajaran dan pembentukan moral dalam diri kanak-kanak.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sejumlah sorotan kajian telah dikumpul dan dianalisis bagi mengenal pasti kelompongan kajian lepas dan untuk memastikan daripada berlakunya pertindihan aspek kajian dalam kajian baru. Sorotan kajian lepas telah banyak dilakukan terhadap cerita rakyat yang melibatkan banyak isu sebagai paksi kajian.

Antara kajian yang telah dilakukan termasuklah kajian yang bertajuk *Word Recognition through Malay Animals Fables* yang berkisarkan mengenai peri pentingnya pengiktirafan perkataan dengan menggunakan cerita rakyat melayu, iaitu cerita-cerita dongeng binatang dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Kajian ini telah dilakukan oleh Arbai'e Sujud, Normaliza Abd Rahim dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014). Cerita dongeng binatang dipilih kerana genre ini sangat terkenal dan digemari oleh golongan kanak-kanak di seluruh dunia. Kajian berbentuk kuantitatif ini melibatkan 100 orang pelajar sekolah rendah yang terdiri daripada lelaki dan perempuan sebagai sampel kajian. Pelajar-pelajar ini dipilih secara rawak dari beberapa buah sekolah di sekitar negeri Selangor.

Seterusnya, kajian oleh Siti Zuhaidah Zakerian dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi iaitu yang bertajuk *Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak* pada tahun 2014. Dalam kajian ini, koleksi cerita rakyat telah dikumpulkan berdasarkan majalah *Dewan Pelajar* terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka untuk dijadikan bahan kajian. Cerita rakyat dan cerita klasik yang dipaparkan dalam majalah tersebut adalah sebagai satu usaha dalam mendedahkan golongan kanak-kanak tentang kebudayaan dan akal budi khususnya bangsa Melayu tradisional. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengenal pasti konflik yang terjadi dalam masyarakat Melayu terdahulu dan kebijaksanaan mereka dalam menyelesaikan masalah tersebut. Hasil daripada kajian itu, menunjukkan bahawa

ketinggian akal budi masyarakat Melayu dapat dikesan melalui pengajaran yang disampaikan kepada kanak-kanak apabila membacanya

Selanjutnya, kajian bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016). Kajian ini menumpukan perhatian terhadap nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu, khususnya kepada masyarakat Melayu. Di samping itu, kajian ini mengaplikasikan teori pengkaedahan melayu dalam proses menganalisis kajian dan seterusnya mendapat hasil kajian yang sangat mantap. Hasil daripada analisis kajian jelas menunjukkan nilai baik hati menerusi sifat belas kasihan, pemurah, bertimbang rasa dan memaafkan yang terkandung dalam cerita rakyat dapat mendidik masyarakat supaya mengamalkan nilai baik hati dalam kehidupan seharian. Sebagai rumusannya, cerita rakyat merupakan suatu alat yang penting dalam membina peradaban Melayu yang lebih bermoral tinggi dan mempunyai hati yang murni.

Seterusnya, kajian lepas yang dijalankan oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhammad (2018) menerusi kajian yang bertajuk *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif* membincangkan mengenai kepentingan sastera lisan yang merupakan sastera rakyat yang dituturkan oleh orang perseorangan, tukang cerita atau penglipur lara. Sastera rakyat dikategorikan kepada cerita jenaka, cerita lipur lara, cerita tauladan dan juga cerita binatang. Fokus penulisan ini adalah mengenai cerita jenaka Melayu seperti cerita *Awang Lurus*, cerita *Pak Pandir*, cerita *Pak Kaduk*, dan cerita *Si Luncai*. Sintesis dan penganalisisan cerita-cerita jenaka tersebut bertujuan memperlihatkan dan memperjelaskan perwatakan positif yang terdapat dalam cerita jenaka Melayu. Secara tidak langsung, kajian ini berupaya memperlihatkan unsur positif dalam watak dan perwatakan cerita jenaka Melayu yang sebelumnya dianggap negatif dan memberikan pengaruh yang tidak baik dalam masyarakat. Jelaslah, kajian ini menyampaikan kepentingan dalam pembentukan moral yang berguna kepada semua lapisan masyarakat terutamanya terhadap golongan kanak-kanak melalui unsur positif dalam watak dan perwatakan dalam cerita jenaka Melayu. Dalam pada itu, nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita jenaka ini juga dapat memberikan pengajaran yang berguna dalam meneruskan sebuah kehidupan serta cerita jenaka ini juga dapat memberikan kelogikan kepada masyarakat untuk berfikir benda baik atau buruk sesuatu perbuatan.

Kajian cerita rakyat yang bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019). Kajian yang lebih tertumpu kepada aspek transformasi ini telah dijalankan bagi membincangkan sejauh mana transformasi penyampaian cerita rakyat di Malaysia sesuai dengan perkembangan teknologi dan pengenalan Dasar Industri Kreatif Negara. Rentetan itu, pengkaji telah mengenal pasti beberapa judul cerita rakyat yang telah diadaptasi kepada media digital dan format yang telah digunakan oleh para penerbit dalam proses adaptasi tersebut. Selain itu, kajian ini telah menggunakan pendekatan rekonstruksi bagi memantapkan lagi analisis kajian. Dapatkan kajian jelas menunjukkan bahawa, cerita rakyat di Malaysia masih belum berkembang selaras dengan perkembangan teknologi masa kini. Oleh itu, usaha yang lebih jitu harus dilakukan bagi memelihara khazanah kebangsaan ini dan seterusnya memartabatkannya ke peringkat yang lebih tinggi.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian dan penyelidikan yang dilakukan sememangnya didapati mempunyai permasalahannya yang tersendiri. Pengkaji juga mendapati permasalahan kajian yang diperolehi dapat memberikan kemudahan kepada pengkaji untuk menganalisis dan menghuraikan maklumat data.

Selain itu, kajian penyelidikan yang menyentuh mengenai polemik dalam cerita rakyat terhadap asas pembentukan moral kanak-kanak masih lagi berkurang. Sebagai contoh, polemik seperti percaduhan antara watak dan konflik dalam pemikiran masih kurang dijalankan dalam aspek cerita rakyat. Pengkaji-pengkaji lepas lebih banyak melakukan kajian penyelidikan dalam cerita rakyat dengan mengkaji pelbagai aspek dalam dalam masyarakat. Sebagai contoh, beberapa kajian cerita rakyat yang telah dilakukan seperti *Word Recognition through Malay Animals Fables* oleh Arbai'e Sujud, Normaliza Abd Rahim & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014), *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) dan *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif* oleh Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad (2018)

Permasalahan kajian juga bertitik tolak daripada pemikiran skeptikal masyarakat terhadap unsur polemik. Kebanyakan pemikiran masyarakat memandang cerita yang berunsur polemik adalah negatif dan tidak sesuai diperdengarkan kepada kanak-kanak. Unsur negatif tersebut boleh dijadikan pedoman dan seterusnya mewujudkan nilai murni dan positif. Oleh itu, kajian ini bakal mengubah pemikiran masyarakat mengenai perkara ini sekali gus memperlihatkan kelebihan cerita-cerita rakyat kepada umum.

Jelaslah, melalui pemerhatian terhadap analisis kajian-kajian lepas pengkaji mendapati terdapat kelompongan dalam kajian ini dimana pengkaji melihat kajian terhadap polemik dalam cerita rakyat kanak-kanak terhadap asas pembentukan moral kurang dijalankan oleh pengkaji terdahulu. Maka, kajian dan penyelidikan ini dijalankan untuk mengisi kelompongan yang ada serta secara tidak langsung dapat memartabatkan kepentingan cerita rakyat ini terutama sekali dalam perincian mengenai polemik dalam sastera. Justeru kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti, menganalisis, serta merumuskan polemik dalam cerita rakyat kanak-kanak terhadap asas pembentukan moral.

BATASAN KAJIAN

Melalui pernyataan yang telah dinyatakan, kajian dan penyelidikan ini memilih tema cerita rakyat sebagai sumber kajian. Rentetan itu, kajian ini hanyalah memilih beberapa cerita rakyat iaitu sebanyak lima cerita rakyat yang diambil dalam buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* yang diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn Bhd serta mempunyai 220 halaman. Buku ini mempunyai 366 buah cerita rakyat yang mengandungi pelbagai kisah cerita rakyat termasuklah dari Nusantara. Konteks dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* ini mengandungi pelbagai jenis koleksi cerita rakyat yang menarik khususnya yang berkait rapat dengan unsur dan konflik dalam penceritaan yang boleh dikaitkan dengan polemik dalam pembentukan moral kanak-kanak.

Menerusi kaedah kajian yang dilakukan pengkaji mendapati terdapat cerita sejarah, cerita hantu, lagenda, mitos, asal-usul, cerita binatang dan cerita jenaka. Tambahan

lagi, pengkajian ini juga memfokuskan kepada unsur polemik dan konflik terhadap pembentukan moral kanak-kanak yang terdapat dalam cerita rakyat berdasarkan cerita-cerita rakyat yang dipilih dalam buku *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Rentetan itu, pengkaji akan mengenalpasti dan membincangkan polemik atau konflik yang terdapat dalam cerita yang dipilih iaitu *Puteri Sejinjang Dan Puteri Santubong, Menuntut Bela, Kapak Emas, Melanggar Janji, Bawang Merah Bawang Putih dan Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur*.


Di samping itu, justifikasi pemilihan cerita-cerita rakyat di atas adalah kerana ia mengandungi unsur polemik yang mempunyai intipati yang positif kepada pembaca khususnya golongan kanak-kanak. Unsur polemik seperti konflik yang berlaku sesama manusia terkandung di dalam cerita rakyat di atas dan boleh dijadikan iktibar dan sempadan sebagai langkah membentuk moral kanak-kanak. Tambahan lagi, kajian ini memilih teori Takmilah menerusi prinsipnya iaitu prinsip hubungan khalayak dengan karya. Hal ini demikian kerana prinsip ini bertepatan bagi menghuraikan hubungan yang wujud di antara cerita rakyat dengan khalayak iaitu kanak-kanak. Pertalian di antara kedua-dua aspek tersebut diteliti melalui unsur polemik dalam karya dengan khalayak iaitu golongan kanak-kanak itu sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kajian teks. Kaedah pepustakaan digunakan oleh pengkaji untuk menelaah dan mendapatkan buku-buku, jurnal-jurnal sastera, artikel, keratan akhbar, majalah, bacaan ilmiah, tesis para sarjana dan juga sumber internet termasuklah *google scholar*. Bahan-bahan kajian ini dirujuk sepenuhnya dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Daerah, Perpustakaan Nilam Puri, Perpustakaan Awam Kelantan.

Selain itu, kaedah kajian teks pula melibatkan pembacaan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusof & Fatimah Abdul Nasir pada tahun 2017. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti cerita rakyat yang mengandungi unsur polemik yang boleh dijadikan iktibar kepada kanak-kanak. Antara cerita rakyat kanak-kanak yang akan dibincangkan dalam kajian ini termasuklah *Puteri Sejinjang Dan Puteri Santubong, Menuntut Bela, Kapak Emas, Melanggar Janji, Bawang Merah Bawang Putih dan Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur*.

Tambahan lagi, kajian ini mengaplikasikan teori Takmilah melalui prinsip hubungan karya dengan khalyak yang diilhamkan oleh Shafei Abu Bakar pada tahun 1997. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip yang ketujuh ialah hubungan antara khalayak dengan karya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, sesebuah karya sastera Islam perlulah berunsurkan pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan. Kajian ini memilih prinsip ini sebagai deduktif kajian bagi memantapkan lagi huraian di bahagian analisis kajian. Perkaitan di antara kedua-dua aspek tersebut adalah amat jelas di mana gambaran polemik yang digarapkan dalam cerita rakyat yang dikaji dapat melahirkan sebuah nilai positif yang boleh disampaikan dan diterapkan dalam pembentukan moral kanak-kanak.



RAJAH 1: Jalinan Hubungan Cerita Rakyat

Rajah 1 di atas menunjukkan jalinan perhubungan di antara setiap aspek penting dalam kajian ini. Cerita rakyat yang mengandungi polemik di dalamnya dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak untuk membentuk moral yang lebih baik. Selain itu, pengaplikasian prinsip hubungan khalayak dengan karya menyerlahkan intipati yang wujud dalam unsur polemik bagi pembentukan moral kanak-kanak. Berdasarkan gambar rajah di atas, jelas menunjukkan polemik dalam cerita rakyat dapat mewujudkan intipati nilai yang positif terhadap pembentukan moral kanak-kanak.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Cerita rakyat sememangnya tidak terlepas dari unsur polemik. Kebanyakan cerita rakyat didominasi oleh unsur polemik yang menjadi tema utama. Sehubungan itu, plot cerita yang menjadi asas kepada sesebuah cerita pasti akan ada unsur polemik pada peringkat perumitan atau konflik dan diakhiri dengan peringkat peleraian di mana pengakhiran cerita sama ada berakhir dengan kisah gembira atau duka serta nilai dan pengajaran boleh diambil. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis berkaitan polemik dalam cerita rakyat Malaysia menjadi asas pembentukan moral kanak-kanak. Antara cerita rakyat yang dinalisis termasuklah *Puteri Sejinjang Dan Puteri Santubong*, *Menuntut Bela, Kapak Emas*, *Melanggar Janji*, *Bawang Merah Bawang Putih* dan *Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur*.

POLEMIK PERGADUHAN

Menurut *Kamus Dewan* (2016), pergaduhan atau kata dasarnya adalah gaduh membawa maksud satu suasana yang huru-hara, gelisah atau bimbang kerana berlakunya sesuatu sebab. Selain itu, menurut Indrawati (2016), pergaduhan merupakan satu keadaan yang tidak tenteram, mendesak, berteriak dan mengancam orang lain kerana sesuatu perkara. Gaduh juga didefinisikan sebagai gejala-gejala tegang dalam perhubungan manusia seperti berteriak, diam, marah dan mengancam antara satu sama lain (Andini Diyah Sitawati, 2018). Berdasarkan pendapat tokoh di atas, dapatlah disimpulkan bahawa pergaduhan adalah perbuatan yang menimbulkan ketegangan dan huru-hara dalam sesebuah kelompok manusia yang mana boleh membawa kepada perkara yang negatif.

Antara cerita rakyat yang dipilih dalam kajian ini termasuklah cerita *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang*. Terdapat unsur polemik pergaduhan dalam cerita ini yang menjadi tema utama. Polemik tersebut dapat dilihat dalam petikan 1 di bawah:

“Disebabkan cemburu, mereka menggunakan kuasa kesaktian yang ada dan bergaduh berhari-hari lamanya. Puteri Sejinjang menghayunkan aluk lalu terkena pipi Puteri Santubong sehingga berlekuk. Dengan kudrat terakhirnya, Puteri Santubong menikamkan batang belida ke kepala Puteri Sejinjang yang menyebabkan kepalanya bersepai dan bertaburan.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 17)

Petikan 1 di atas jelas menunjukkan unsur polemik atau konflik yang berlaku di antara dua watak yakni Puteri Sejinjang dan Puteri Santubong. Polemik tercetus disebabkan oleh rasa cemburu dan hasad dengki yang membuka-buka di dalam diri kedua-dua watak. Punca utama pergaduhan antara mereka adalah kerana kedua-dua Puteri ingin menonjolkan kecantikan dan kehebatan masing-masing kepada seorang anak raja yang bernama Putera Serapi sehingga mengakibatkan mereka bergaduh berhari-hari lamanya sehingga kedua-duanya tercedera. Pada akhirnya, pergaduhan tersebut mengakibatkan mereka mendapat kemurkaan daripada ayahanda dan mereka telah disumpah menjadi gunung dan pulau.

Hal ini bertepatan dengan definisi gaduh yang dikemukakan oleh Indrawati (2016) yang menyatakan bahawa pergaduhan adalah keadaan yang tidak tenteram dan boleh mengancam orang lain sehingga mencederakan bahkan kehilangan nyawa. Selain itu, pendapat Andini Diyah Sitawati (2018) juga menyatakan bahawa bahawa pergaduhan dapat menimbulkan keadaan yang tegang dan boleh mengancam keselamatan orang sekeliling. Berdasarkan pendapat para ilmuwan, dapat dirumuskan bahawa pergaduhan adalah sesuatu keadaan di mana perhubungan di antara manusia mengalami keadaan yang huru-hura, tidak tenteram, gelisah dan boleh mendatangkan kecederaan.

Pembentukan moral kanak-kanak dapat dijana melalui unsur polemik dalam cerita rakyat ini dengan mengetengahkan pengajaran yang terhasil daripada cerita. Cerita rakyat *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang* ini masih boleh diolah supaya lebih menonjolkan keburukan atau akibat yang akan ditanggung sekiranya berlaku pergaduhan atau polemik. Sebagai contohnya, akibat yang ditanggung oleh Puteri Sejinjang dan Puteri Santubong ialah mereka mendapat kemurkaan daripada ayahanda dan disumpah menjadi gunung dan pulau. Sehubungan itu, kisah pergaduhan di antara Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang merupakan perkara yang harus diambil iktibar dan tidak wajar dilakukan dalam kehidupan. Oleh itu, minda kanak-kanak harus diasuh supaya tidak mudah untuk memulakan pergaduhan sekiranya berlaku ketidakpuasan hati di antara rakan-rakan dan seharusnya diselesaikan dengan cara lebih berhemah seperti melakukan perbincangan dari hati ke hati supaya tidak mencetuskan polemik.

Dalam konteks pendekatan Takmilah yakni prinsip hubungan khalayak dengan karya, perhubungan antara karya dan khalayak adalah satu aspek yang harus dititikberatkan dalam menghasilkan sesebuah karya sastera. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), sesebuah karya sastera yang baik perlulah berunsurkan pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan. Sebagai contohnya, cerita rakyat yang dibincangkan di atas menggariskan panduan dalam menguruskan hal rasa dan sifat dengki dalam diri manusia supaya tidak berlaku perkara yang boleh meruntuhkan hubungan kemanusiaan. Oleh itu, cerita rakyat

ini terbukti mengandungi unsur pendidikan yang boleh mendidik pembaca terutama kanak-kanak ke arah insan Kamil iaitu modal insan yang lebih baik.

POLEMIK DENDAM

Dendam merupakan rasa yang timbul dari hati seseorang untuk membala perbuatan orang lain dalam konteks perbuatan yang jahat (*Kamus Dewan*, 2016). Selain itu, Anneke Putri Willihardi (2020), mengemukakan pendapat bahawa dendam adalah perasaan ingin membala yang dijalin dengan rasa benci kepada seseorang yang pernah melakukan kesalahan. Berdasarkan definisi di atas, dendam adalah sebuah perasaan yang negatif dalam hati seseorang sehingga boleh membawa kepada berlakunya perkara yang tidak diingini kepada orang lain.

Cerita rakyat yang seterusnya bertajuk *Menuntut Bela* yang mengetengahkan isu menuntut bela sehingga menimbulkan polemik di antara beberapa watak dalam cerita ini. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 2 di bawah:

“Kasaan pun berkata dengan nada yang tegas, “Parang Jalong dan Chibal Murud, aku datang ini untuk membunuh kamu berdua.”

“Kamu hendak membunuh kami?” tanya Parang Jalong dan Chibal Murud kepada Kasaan sambil ketawa

“Kau bernesib baik boleh hidup sampai sekarang kau tahu? Kau enggan membunuh diri kalau masih berdegil mahu melawan kami,” kata Parang Jalong. Chibal Murud mengangguk tanda setuju.

Mereka bertiga pun berlawan, lebih kurang selama tiga bulan tanpa makan atau minum mahupun rehat.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 17)

Petikan 2 di atas jelas menunjukkan polemik atau konflik yang berlaku di antara tiga watak dalam cerita rakyat yang bertajuk *Menuntut Bela*. Konflik ini tercetus apabila *Kasaan* mendapat pesanan dari suara ghaib supaya pergi menuntut bela di atas kematian ibu bapanya yang dibunuh oleh Parang Jalong dan Chibal Murud. Rentetan itu, *Kasaan* telah pergi ke kampung Parang Jalong dan Chibal Murud untuk menuntut bela dan mereka telah berlawan atau bergaduh selama tiga bulan tanpa henti. Namun, pertarungan itu tidak mendatangkan apa-apa hasil kerana ketiga-tiga mereka tidak cedera atau mati. Oleh itu, menuntut bela dengan cara yang kejam merupakan satu perbuatan yang sia-sia kerana cara sebegini sangat bertentangan dengan nilai moral dan nilai kemanusiaan.

Menurut Galang Santoso (2018), dendam merupakan ketidakpuasan hati seseorang terhadap orang lain dan mempunyai rasa ingin membala dengan perbuatan yang kasar dan mencederakan. Selain itu, Anneke Putri Willihardi (2020), perasaan dendam merupakan hati yang mempunyai keinginan untuk membala perbuatan orang lain yang pernah melakukan kesalahan terhadapnya. Berdasarkan pendapat para tokoh, perasaan dendam merupakan sesuatu yang negatif dan tidak harus dilakukan oleh sesiapa sahaja kerana ia boleh membawa kepada perkara yang tidak baik kepada sesebuah kelompok manusia.

Kanak-kanak mempunyai minda yang sangat aktif dalam mempelajari sesuatu perkara yang baru. Ia meliputi pandangan, sentuhan, bau, rasa dan pendengaran seterusnya membentuk

nilai moral dalam diri kanak-kanak. Sehubungan itu, cerita rakyat seperti contoh di atas dan unsur polemik yang terkandung di dalamnya merupakan satu kombinasi yang mantap untuk dijadikan medium pembentukan moral kanak-kanak. Masyarakat seharusnya peka dan kreatif dalam menyampaikan sesuatu seperti polemik supaya kanak-kanak dapat menerima intipati yang positif. Polemik seperti pergaduhan untuk menuntut bela mengajar kanak-kanak supaya tidak melakukan perkara seperti itu kerana cara itu hanya membawa kepada sifat dendam yang jelas tidak seiring dengan nilai murni yang sepatutnya diterapkan dalam minda kanak-kanak.

Sehubungan itu, pengaplikasian Takmilah dapat dilihat melalui prinsip khalayak dengan karya yang menghubungkan aspek mesej yang mendidik dengan para khalayak. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), unsur pendidikan dalam karya sastera bertindak sebagai pembuka mata dan pemberi rasa insaf dalam jiwa manusia supaya menjadi lebih baik. Hal ini bertepatan dengan cerita rakyat ini yang mana telah membuka mata masyarakat terutama golongan kanak-kanak bahawa perbuatan membala dendam itu adalah dilarang dalam komuniti sesebuah masyarakat. Oleh itu, hubungan cerita rakyat dengan khalayak iaitu kanak-kanak dilihat sangat jelas dalam perbincangan ini melalui huraian berkaitan unsur pendidikan yang diterapkan dalam cerita rakyat ini.

POLEMIK PEMBOHONGAN

Polemik pembohongan dalam cerita rakyat ini membawa kepada intipati positif iaitu kejujuran yang harus diamalkan dalam kehidupan manusia. Menurut Aboebakar Atjeh (1988), kejujuran bermaksud seseorang yang ikhlas dalam perbuatan dan tidak mengharapkan sebarang ganjaran. Seterusnya, *Kamus Dewan* (2016) mendefinisikan bahawa kejujuran adalah manusia yang mempunyai hati lurus, ikhlas, dan tidak menyembunyikan sebarang perkara dalam hati ketika melakukan sesuatu. Pendapat ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa sikap jujur adalah sifat mulia dari aspek pertuturan dan perbuatan untuk mewujudkan rasa saling percaya di antara sesama manusia. Berdasarkan pendapat para cendekiawan, kejujuran dapat dirumuskan bahawa salah satu sifat yang harus dimiliki oleh setiap insan dalam membentuk sahsiah diri yang mantap dalam perhubungan sesama manusia.

Seterusnya, polemik yang terkandung dalam cerita rakyat ini ialah melalui pembohongan seorang anak muda yang tamak akan harta membawa padah. Tamak membawa maksud keinginan memiliki sesuatu tanpa batasan dan perihal kehalobaan akan sesuatu perkara (*Kamus Dewan* 2010). Jelas di sini, definisi tamak telah dicetuskan antara dua watak dalam cerita rakyat sebagaimana cerita *Kapak Emas*. Cerita tersebut mengisahkan dua sahabat yang sangat rapat iaitu Dali dengan Budin tetapi berbeza dari segi sikapnya. Dalam konteks ini, watak si Budin sangat jujur orangnya berbanding dengan si Dali. Hal ini jelas menunjukkan bahawa si Budin seorang yang jujur berdasarkan petikan 3 iaitu:

“Suatu hari Budin meminjam kapak Dali lalu menuju ke hutan dan menebang pokok di tepi sungai. Sedang ia menebang pokok, kapaknya terjatuh ke dalam sungai. Budin sangat sedih.

Tiba-tiba muncul seorang lelaki tua itu lalu menyelam ke dalam sungai dan membawa naik kapak emas. “Adakah ini kapakmu?” soal lelaki tua.

“Bukan. Kapak saya adalah kapak besi,” jawab Budin.

Lelaki itu menyelam semula ke dalam sungai dan kali ini ia membawa naik dua bilah kapak iaitu kapak emas dan kapak besi. Budin lalu menunjukkan arah kapak besi miliknya. Lelaki tua itu berkata, “Ambillah juga kapak emas ini kerana kamu

seorang yang sangat jujur.” Budin mengucapkan terima kasih lalu beransur pulang.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 30)

Petikan 3 di atas menggambarkan bahawa si Budin sememangnya seorang yang jujur waima ditunjukkan kapak emas tetapi tetap menyatakan bahawa kapaknya adalah kapak besi. Namun, watak si Dali pula adalah seorang yang tamak dan pembohong. Tamsilnya, tercetusnya konflik apabila sikap Si Dali yang tamak akan kapak emas telah merugikan dirinya sendiri sebagaimana petikan 4 di bawah iaitu:

“Di rumah, ia menceritakan peristiwa yang berlaku kepada Dali. Dali menjadi tamak dan mahukan kapak emas. Keeseokan hari, Dali berpura-pura menebang pokok di tepi sungai. Dia sengaja menjatuhkan kapaknya ke dalam sungai. Dali menangis kesedihan.

Tiba-tiba muncul lelaki tua. Dali berbohong bahawa kapak itu bukan miliknya dan akan didenda jika tidak memulangkannya semula. Lelaki tua itu pun menyelam ke dalam sungai dan membawa naik kapak emas. Dali segera menerpa kearah kapak emas dan mengaku kapak itu adalah miliknya. Lelaki tua itu berang lalu berkata, “kamu tidak jujur dan tamak!” ia membuang kapak emas ke dalam sungai. Dengan pantas Dali terjun kedalam sungai. Dali terlupa bahawa ia tidak pandai berenang. Akibatnya Dali mati kelemasan. Budin pula menjual kapak emasnya dan menjadi kaya.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 30)

Oleh itu, cerita *Kapak Emas* jelas menunjukkan ketamakan si Dali membawa padah kepada dirinya sendiri. Oleh hal yang demikian, watak dalam cerita tersebut sememangnya memainkan peranan yang sangat penting untuk memberikan impak positif terhadap persepsi kanak-kanak. Justeru, mereka beranggapan bahawa orang yang tamak selalu rugi. Jadi, persepsi tersebut akan mempengaruhi emosi dalam mereka supaya sering berbuat baik dan bercakap benar apabila berkomunikasi. Cerita rakyat juga bukan sahaja terkesan kepada kanak-kanak, namun golongan dewasa juga dapat mengambil iktibar daripada polemik yang berlaku dalam sesebuah plot penceritaan.

Hal ini bersesuaian dengan definisi kejujuran yang dikemukakan oleh Aboebakar Atjeh (1988) iaitu seorang yang jujur mempunyi keikhlasan hati yang tinggi dalam melakukan sesuatu perbuatan. Pendapat ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa sifat jujur adalah sifat yang mulia dalam membentuk sesebuah masyarakat yang mempunyai rasa saling percaya di antara satu sama lain. Maka dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa kejujuran lahir daripada hati yang ikhlas sehinggalah membentuk rasa percaya dalam hati orang lain untuk menerima segala pertuturan dan percakapan daripada seseorang.

Tegaslah bahawa cerita rakyat sebagaimana cerita *Kapak Emas* di atas terbukti mempengaruhi emosi dan jiwa kanak-kanak. Kebijaksanaan orang terdahulu menyampaikan cerita dengan cara ada keajaiban yang terjadi, ia tetap berfungsi sebagai memberi pengajaran dan teguran secara sinis. Sekiranya cerita rakyat ini disiarkan terutamanya di media massa,

secara tidak langsung akan menjadikan tumpuan dan memberikan nilai positif kepada semua golongan khususnya kanak-kanak.

Dalam pada itu, huraiyan yang berlandaskan prinsip Takmilah melalui prinsip hubungan karya dengan khalayak memberi lebih pencerahan mengenai aspek perhubungan di antara mesej yang ingin disampaikan dalam cerita rakyat dengan khalayak pembaca itu sendiri. Prinsip ini diilhamkan oleh Shafei Abu Bakar pada tahun 1997 yang menekankan unsur pendidikan dalam sesebuah karya sastera terhadap khalayak pembaca. Hal ini dapat dilihat dalam cerita rakyat ini yang mengutarakan unsur kejujuran melalui polemik pembohongan yang jelas dapat mewujudkan sebuah rasa kesedaran kepada masyarakat terutama golongan kanak-kanak. Jadi, polemik yang wujud dalam cerita rakyat ini merupakan sebuah titik tolak wujudnya kesedaran supaya kanak-kanak tidak berbohong dalam kehidupan sehari-hari.

POLEMIK PENDERHAKAAN

Polemik penderhakaan dalam cerita rakyat ini telah mewujudkan unsur positif yang boleh mendorong pembentukan moral kanak-kanak iaitu taat dalam konteks taat kepada ibu dan bapa. Menurut Christian Cahyaputra Siat (2013), taat adalah rasa patuh seseorang individu terhadap sesebuah aturan yang tidak melanggar norma kehidupan. Seterusnya, taat adalah rasa ingin melakukan perkara yang disuruh tanpa merungut kerana ingin mewujudkan sebuah hubungan yang harmoni (Yuda Oktana 2009). Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2016), taat adalah perbuatan yang sentiasa menurut perintah kerana rasa hormat kepada seseorang dan tidak sesekali melanggar dan menderhaka. Berdasarkan pendapat para ilmuwan, taat kepada ibu bapa dapat disimpulkan sebagai seorang anak harus sentiasa menurut perintah ibu bapa kerana rasa hormat dan sayang kepada mereka serta tidak akan pernah menderhaka kepada ibu bapa.

Polemik dalam cerita rakyat kanak-kanak diperluaskan lagi menerusi penderhakaan seorang anak terhadap ibunya dalam sebuah cerita rakyat. Konflik tersebut terjadi dalam sebuah keluarga yang tinggal di kampung. Hal ini dapat dilihat melalui watak Seman dan ibu bapanya yang tinggal di kampung Ulu Petai dalam cerita *Melanggar Janji*. Diceritakan bahawa Seman seorang pemuda yang mempunyai rupa paras yang buruk. Di kampungnya, mereka percaya bahawa wujudnya bunian dan mereka sering bercerita bahawa pernah terjumpa puteri bunian sewaktu mencari petai di hutan. Pada suatu hari, Seman telah pergi ke hutan untuk mencari petai, namun dia telah tertidur di atas batu leper yang saiznya besar. Kemudian, Seman telah terjaga dari tidurnya dan mendapati bahawa dirinya berada dalam sebuah istana yang indah. Rupa paras Seman telah berubah dan Seman telah berkahwin dengan puteri bunian itu. Seman ingin pulang ke kampung kerana sangat rindu kepada orang tuanya dan puteri bunian telah menghadiahkan seketul batu. Hal ini dinyatakan seperti petikan 5 di bawah:

“Kalaupun kakanda inginkan apa-apa batuan gosoklah batu ini. Dinda akan menolong kakanda, tetapi dengan syarat jangan derhaka.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 48)

Kepulangan Seman sememangnya dinanti-nantikan. Ibunya sangat gembira kerana Seman sudah pulang setelah beberapa hari hilang. Rupa paras Seman yang berubah menjadi kacak telah mengejutkan ibu bapanya dan kenduri kesyukuran telah dilangsungkan di atas kepulangan anaknya, Seman seperti petikan 6 di bawah:

“Apabila Seman pulang ke pangkuan mereka, ibu bapa Seman terkejut dengan rupa paras yang sangat kacak. Ibu bapa Seman ingin mengadakan kenduri kesyukuran di

atas kepulangan anak mereka yang telah lama hilang tetapi mereka tidak mempunyai kelengkapan.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 48)

Namun, diceritakan lagi apabila perkara yang tidak diduga telah berlaku. Seman telah melanggar janjinya apabila dia mengetahui bahawa batu miliknya itu telah dibuang oleh ibu. Kemarahan Seman tanpa sedar telah mengakibatkan dirinya berubah kembali menjadi hodoh dek kerana si ibu menangis atas perbuatannya. Polemik yang berlaku dalam institusi keluarga mereka jelas dilihat melalui petikan dan dialog di bawah yang menggambarkan bahawa Seman telah menjadi anak derhaka dan dia telah mendapat balasan daripada perbuatannya sendiri. Hal ini jelas ditunjukkan dalam petikan 7:

“Seman terus ke bilik lalu mencari batu itu tetapi batu itu tidak kelihatan. Seman kemudiannya bertanyakan ibunya, “ibu ada ternampak sebuah batu?” ya, ibu Nampak, tetapi ibu telah buangkannya,” jawab si ibu. ibu telah membuangnya? Itu adalah batu yang diberikan oleh isteri saya, kenapa ibu membuangnya tanpa memberitahu kepada saya dahulu?” teriak Seman kearah ibunya sambil bercekak pinggang. Terduduklah si ibu sambil menangis ketakutan.

Rupa paras Seman yang kacak serta merta berubah menjadi buruk. Seman telah melanggar janji yang telah dibuat dengan isterinya iaitu, jangan derhaka. Seman telah pun menderhaka ibunya sendiri.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir (2017: 48)

Oleh hal yang demikian, ibu bapa adalah harta yang kita miliki untuk sekali sahaja dan tidak boleh dijual beli. *Melanggar janji* sebuah cerita yang menggambarkan konflik dalam institusi keluarga yang menarik kepada pembaca. Ia juga memberikan nilai positif terutamanya kepada golongan kanak-kanak dan secara tidak langsung akan diperlihatkan dari segi tingkah laku mereka yang baik terhadap ibu bapa masing-masing. Dapat disimpulkan bahawa cerita rakyat sememangnya terkesan kepada kanak-kanak untuk membina emosi dan jati diri kerana golongan mereka diibaratkan sehelai kain putih dan kitalah yang akan mencorakkannya.

Hal ini bertepatan dengan pendapat tokoh iaitu Christian Cahyaputra Siat (2013) yang menyatakan bahawa ketaatan adalah kepatuhan seseorang terhadap aturan yang bersesuaian dengan norma kehidupan. Kenyataan ini diokong oleh Yuda Oktana (2016) berpendapat bahawa ketaatan adalah seseorang yang melakukan sesuatu perintah tanpa merungut kerana ingin mewujudkan sebuah perhubungan yang harmoni. Berdasarkan pendapat para tokoh di atas, dapat dirumuskan bahawa ketaatan lahir daripada hati yang ikhlas dalam perhubungan terutama hubungan anak dengan ibu bapa supaya tidak berlaku penderhakaan daripada pihak anak.

Selaras dengan itu, pengaplikasian pendekatan Takmilah melalui prinsip hubungan karya dengan khalayak dapat dilihat melalui mesej yang ingin disampaikan dalam cerita rakyat ini kepada khalayak iaitu dalam konteks kanak-kanak. Prinsip ini menggariskan kepentingan sesebuah karya sastera yang harus menerapkan unsur pendidikan, nilai-nilai kebaikan dan perkara yang direhui Allah SWT (Shafei Abu Bakar, 1997). Sebagai contohnya, dapat dilihat melalui polemik penderhakaan yang digambarkan dalam cerita rakyat ini yang membawa kepada intipati yang murni yang mana mendidik kanak-kanak supaya sentiasa taat kepada ibu bapa dan jauh sekali menderhaka kepada mereka. Oleh itu, cerita rakyat ini membuktikan

perhubungan yang erat di antara karya dengan khalayak melalui mesej yang mendidik kepada golongan kanak-kanak.

POLEMIK HASAD DENGKI

Menurut Hassan (1986), hasad dengki tergolong dalam penyakit rohani yang berpunca daripada nafsu amarah yang dihasut oleh syaitan. Selain itu, hasad (dalam bahasa Arab) atau dengki (dalam bahasa Melayu) membawa maksud mencari jalan atau ikhtiar untuk menghilangkan nikmat yang ada pada orang lain (Mohd Azhar Abd Hamid, 2003). Sementara itu, Kamus Dewan (2016) mendefinisikan hasad dengki adalah perasaan cemburu dan iri hati yang tinggi dalam hati seseorang terhadap kelebihan yang dimiliki oleh orang lain. Hal ini dapat disimpulkan bahawa, hasad dengki adalah perasaan tidak puas hati dan mempunyai keinginan untuk menghancurkan kebahagiaan orang lain.

Kajian ini telah memilih cerita rakyat yang bertajuk *Bawang Merah dan Bawang Putih*. Berdasarkan cerita rakyat *Bawang Putih dan Bawang Merah* unsur polemik yang menjadi tunjang utama kajian ini dapat dilihat pada petikan 8 tersebut:

“Putera menghampiri Mak Kundur dan Bawang Merah lalu berkata, “Kamu berdua telah melakukan kesalahan iaitu, berbohong dan menganiaya saudara sendiri. Beta tak tahulah kamu ini ibu jenis apa!”. Mak Kundur dan Bawang Merah menangis dan meminta ampun.”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusof & Fatimah Abdul Nasir (2017:20)

Petikan 8 di atas memaparkan unsur polemik yang terdapat ialah perasaan hasad dengki yang dimiliki oleh ibu tiri dan kakak tiri Bawang Putih iaitu Mak Kundur dan Bawang Merah. Perasaan tersebut menyebabkan Bawang Putih sering didera dan dianiaya oleh mereka berdua. Konflik dalam cerita rakyat ini dapat dilihat berakhir dengan kesan yang positif iaitu timbulnya keinsafan dalam diri saudara tiri Bawang Putih setelah beliau sendiri memaafkan kedua-duanya.

Jelaslah, konflik yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut dapat memberikan kesan yang positif terhadap pembentukan moral kanak-kanak. Kebanyakan kanak-kanak lebih mudah tertarik dengan kisah-kisah yang berkisarkan kehidupan putera dan puteri raja yang sedemikian. Secara tidak langsung, mereka akan lebih mudah untuk menerapkan pengajaran dan tauladan yang bermanfaat dalam konteks cerita rakyat *Bawang Putih dan Bawang Merah* dalam kehidupan masing-masing. Selain itu, sikap pemaaf yang dimiliki oleh Bawang Putih merupakan kesan yang positif untuk dijadikan sebagai tauladan. Nilai positif ini perlu diajar kepada kanak-kanak supaya apabila meningkat dewasa mereka menjadi lebih bertolak ansur dan pemaaf.

Hal ini bertepatan dengan pendapat Hassan (1985), yang menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai hasad dengki dalam hati menunjukkan bahawa dirinya mengalami penyakit rohani. Selain itu, Mohd Azhar Abd Hamid (2003) mengemukakan pendapat bahawa perasaan dengki terbit daripada rasa marah dan tentunya rasa itu datang daripada hasutan syaitan. Oleh itu, hasad dengki dapat dirumuskan bahawa sebuah perasaan iri hati, marah dan cemburu dengan kelebihan yang ada pada orang lain sehingga sanggup mengikut hasutan syaitan demi menghancurkan kelebihan yang ada pada orang lain.

Rentetan itu, huraian yang lebih jelas dapat dilihat melalui prinsip hubungan karya dengan khalayak yang terbentuk daripada pendekatan Takmilah. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip hubungan karya dengan khalayak merupakan suatu hubungan rapat antara satu

sama lain yang memperincikan tentang pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan. Hal ini dapat dilihat melalui cerita rakyat yang menggambarkan polemik hasad dengki boleh merenggangkan hubungan kekeluargaan seperti yang berlaku kepada keluarga Bawang Putih dan Bawang Merah. Namun, mesej sebenar yang ingin disampaikan adalah mengelakkan perasaan dengki antara manusia dapat memberi kesedaran kepada golongan kanak-kanak. Justeru, hubungan di antara karya yakni mesej yang ingin disampaikan jelas dilihat penyampaiannya terhadap khalayak iaitu kanak-kanak selaras dengan tuntutan daripada teori Takmilah itu sendiri.

POLEMIK TAMAK

Polemik tamak dalam cerita rakyat ini telah membentuk nilai positif untuk dijadikan pendorong terhadap pembentukan moral kanak-kanak iaitu nilai bersyukur. Menurut Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan (1992), bersyukur merupakan suatu perasaan atau perilaku yang wujud secara ikhlas di atas perkara yang diperolehi. Selain itu, Hashim Musa (2008) menakrifkan bersyukur sebagai penerimaan sesuatu pemberian daripada orang lain dan sentiasa menggunakan pemberian tersebut ke arah yang memberi kebaikan. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), bersyukur merupakan perasaan menghargai dan menyanjung tinggi setiap perkara yang diperolehi dengan ikhlas dan terbuka. Berdasarkan pendapat yang diberikan oleh para cendekiawan, bersyukur merupakan tanda berterima kasih kepada Allah SWT dan tidak pernah mengeluh dengan rezeki yang telah diberi.

Seterusnya, unsur polemik yang terdapat dalam cerita rakyat *Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur* boleh dilihat berdasarkan petikan 9 di bawah:

“Tetapi disebabkan kijang itu bersaiz kecil, ia membuangnya ke dalam sungai. Pada waktu malam ketika pemburu tidur, ia bermimpi kijang yang dibuangnya, kijang itu berkata, “orang yang tidak bersyukur akan rugi!”

Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusof & Fatimah Abdul Nasir (2017:34)

Oleh itu, berdasarkan cerita rakyat tersebut polemik yang dapat dikenal pasti ialah dalam situasi pemburu yang terlalu bersikap berlebihan dan tamak untuk mendapatkan sesuatu demi kepuasannya. Sikap negatif seperti tamak dan tidak bersyukur menjadikan pemburu tersebut sentiasa mendapat kerugian. Kesan daripada sikap pemburu yang tidak bersyukur menjadikan nya sebagai seorang yang selalu mendapat kerugian merupakan konflik dalam plot penceritaan cerita rakyat ini.

Polemik yang terdapat dalam cerita rakyat *Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur* dapat dijadikan sebagai asas utama dalam pembentukan moral kanak-kanak. Kebanyakan kanak-kanak lebih mudah untuk diajar kerana usia mereka yang lebih mentah memberikan kesenangan kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak yang masih kecil. Bak kata peribahasa “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Berdasarkan cerita rakyat ini polemik yang terjadi dapat memberikan kesan dan manfaat yang berguna kepada pembentukan moral kanak-kanak kerana dalam cerita rakyat tersebut menggariskan keburukan mempunyai sikap tidak tahu bersyukur dan tamak.

Hal ini bertepatan dengan kenyataan daripada Hashim Musa (2008), bersyukur merupakan sebuah rasa menghargai pemberian orang lain dan menggunakan pemberian tersebut ke arah kebaikan. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), berpendapat bahawa bersyukur adalah perbuatan menghargai setiap rezeki yang diperolehi dengan ikhlas tanpa merungut. Berdasarkan pendapat tokoh, beryukur perilaku dan perasaan meraikan setiap rezeki yang diperolehi daripada orang sekeliling dengan sentiasa mengucap syukur kepada Allah SWT.

Oleh itu, pengajaran yang diperolehi dalam cerita rakyat ini mereka akan menghindari sikap yang negative ini kerana sikap sedemikian akan mendatangkan keburukan dalam kehidupan masyarakat. Justeru, polemik ini akan secara tidak langsung memberikan kesan yang positif terhadap pembentukan moral kanak-kanak.

Berdasarkan pengaplikasian pendekatan Takmilah melalui prinsip hubungan karya dengan khalayak, cerita rakyat ini sememangnya mempunyai mesej yang baik untuk dihubungkan dengan khalayak iaitu kanak-kanak. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), prinsip ini menjurus kepada kepentingan mesej dalam karya yang boleh mewujudkan kesedaran dan keinsafan dalam hati khalayak. Hal ini dapat diperincikan melalui cerita rakyat ini yang menggarapkan polemik tamak demi menghasilkan mesej yang baik iaitu bersyukur kepada khalayak. Oleh itu, cerita rakyat ini jelas menunjukkan perhubungannya dengan khalayak iaitu kanak-kanak melalui mesej yang bertujuan mendidik jiwa kanak-kanak.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menyentuh mengenai cerita rakyat dapat membantu pembentukan moral kanak-kanak melalui aspek polemik. Pengkaji merasakan adalah lebih sempurna sekiranya ada penyelidik melakukan kajian lebih mendalam terhadap isu karya sastera kanak-kanak dan remaja sebagai asas pembentukan nilai khususnya melalui perspektif cerita rakyat yang tentunya sangat sesuai dengan minat kanak-kanak. Hal ini sangat penting kerana masyarakat masih belum peka terhadap isu yang dibangkitkan. Tambahan lagi, pengaplikasian pendekatan Takmilah melalui prinsip hubungan karya dengan khalayak dapat menyerlahkan lagi unsur pendidikan yang melalui polemik yang berlaku dalam cerita rakyat kepada golongan kanak-kanak. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian sebegini wajar dibawa ke peringkat yang lebih tinggi supaya masyarakat jelas akan kepentingan sastera kanak-kanak dalam perspektif cerita rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat mempunyai kelebihan yang tersendiri sebagai alat untuk menyebarkan nilai-nilai murni bukan sahaja kepada kanak-kanak malahan kepada seluruh institusi masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- Aboebakar Atjeh. 1988. *Akhlag dalam Islam*. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Abu Bakar Hamid. 1976. *Diskusi Sastera Jilid I: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbai'e Sujud, Normaliza Abd Rahim & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. 2014. Word Recognition through Malay Animals Fables. *Asian Social Science Journal*, 10 (11), 252-257.

- Andini Dyah Sitawati. 2018. *Penatalaksanaan Pasien Gaduh Gelisah Di Unit Gawat Darurat*, dlm Afif Nurul Hidayati. *Gawat Darurat Medis dan Bedah*. Surabaya: Airlangga Universiti Press.
- Anneke Putri Willihardi. 2020. Analisis Yuridis Perlindungan Hukum Bagi Korban Penyebarluasan Konten Pornografi Dengan Motif Balas Dendam (Revenge Porn) Di Indonesia. Tesis, UPN "Veteran" Jawa Timur.
- Christian Cahyaputra Siat, & Agus Arianto Tolly. 2013. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kepatuhan Wajib Pajak dalam Memenuhi Kewajiban Membayar Pajak di Surabaya. *Tax & Accounting Review Journal*, 1 (1), 42-48
- Galang Santoso. 2018. Trauma Seksual Tokoh Ajo Kawir Dalam Novel Seperti Dendam, Rindu Harus Dibayar Tuntas Karya Eka Kurniawan Kajian Psikoanalisis Seksual Sigmund Freud. *Jurnal BAPALA*, 5 (2), 1-12
- Hassan Langgulung. 1986. *Teori-teori Kesihatan Mental*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.
- Hashim Musa. 2008. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Maya Indrawati. 2016. Neuroleptisasi Cepat. Masih Relevankah Saat Ini? *Jurnal Psikiatri Surabaya*, 6 (2), 12-22.
- Kamus Dewan*. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azhar Abd Hamid, Mohd Koharuddin Balwi & Muhammed Fauzi Othman. 2003. “Beberapa Premis Tentang Perasaan Hasad-Dengki (Phd) Sebagai nilai Masyarakat Melayu: Suatu Polemik?”, Seminar Zaaba Mengenai Alam Melayu 1, Anjuran Institut Peradaban Melayu, UPSI di Hotel Renaissance KL) Ogos 12 – 14.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2015. *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2018. Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. 2016. Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Devolepment*. 4 (2), 48-57.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2021. Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*, 20 (1), 79-92.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad. 2018. Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1 (1), 296-329.
- Noraini Mohamad & Mariam Abdul Majid. 2019. Dakwah Melalui Penulisan Puisi Melayu: Analisis Terhadap Karya Abham T.R. *Jurnal Melayu*, 18 (2), 293-301.

- Nursuhada Md Arifin, Mohd. Zariat Abdul Rani, Kamariah Kamarudin & Muhd Zulkifli Ismail. 2019. “Novel Tarbiah” Galeri Ilmu Sdn. Bhd.: Satu Analisis Teks Terhadap Novel Andai Bavaria Takdirku. *Jurnal Melayu* 18 (2), 83-99.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. 2019. Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12 (2), 291-319.
- St. Aisyah BM. 2014. Konflik Sosial dalam Hubungan Antara Umat Beragama. *Jurnal Dakwah Tabligh*, 15 (2), 189-208.
- Shafei Abu Bakar. 1997. *Estetika dan Takmilah* dlm. Mana Sikana. Pembangunan Seni dan Sastera. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu FSKK.
- Siti Zuhaidah Zakeria, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. 2014 Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kank-Kanak. *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 5 (1), 185-205.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. 1992. *Pendidikan Dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Weni Puspita. 2018. *Manajemen Konflik: Suatu Pendekatan Psikologi, Komunikasi, dan Pendidikan*. Yogyakarta: Deepublish.
- Yuda Oktana. 2016. Komunikasi Persuasif Murabbi kepada Binaannya dalam Menanamkan Sikap Taat pada Agama (Studi Deskriptif pada Anggota Halaqah LDK Unand). Tesis Diploma, Universiti Andalas.

Biodata Penulis:

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah adalah pelajar Sarjana di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan dan Sastera.

Mohd Firdaus Che Yaacob adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan dan Sastera.

Siti Fatimah Ab Rashid adalah pelajar Sarjana di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan dan Sastera.

Siti Aishah Jusoh adalah pelajar Sarjana di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Warisan dan Sastera.